



DASAR BERKEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT NEGERI KELANTAN

1.0 Pengenalan

- 1.1 Negeri Kelantan ditadbir berasaskan dasar “Membangun Bersama Islam” bermula tahun 1990. Bagi memantapkan dasar utama ini, Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan digubal ke arah mencapai tonggak Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan.
- 1.2 Negeri Berkebajikan ialah sebuah negeri yang terlaksana prinsip keadilan, kebajikan dan kesejahteraan sebagai asas pentadbiran, perundangan dan pembangunan.
- 1.3 Dasar ini adalah dasar bersama yang merentasi agama dan bangsa serta perlu dilaksanakan secara kolektif oleh semua portfolio.
- 1.4 Dasar ini digubal berpandukan konsep-konsep berikut:

1.3.1 *Al-Birr* (البر)

Meliputi seluruh perkara kebaikan yang dilakukan semata-mata kerana beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, menghulurkan bantuan dan menegakkan keadilan demi mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat. (*Al-Baqarah: 177*)

1.3.2 *Al-Adl wal Ihsan* (العدل والاحسان)

Menjadikan prinsip adil dan ihsan sebagai teras pentadbiran. Ia merupakan satu tuntutan agama untuk direalisasikan bagi memastikan kebajikan dirasai oleh seluruh masyarakat. (*Al-Nahl: 90*)

1.3.3 *Al-Ma'ruf* (المعروف)

Membina masyarakat yang saling bekerjasama melakukan kebajikan dan mencegah kemungkaran sebagai tanggungjawab bersama yang perlu dipikul bersama. (*Ali Imran: 104*)

1.3.4 *Al-Hasanah* (الحسنه)

Membina masyarakat sejahtera ke arah kebaikan di dunia dan akhirat. (*Al-Baqarah: 201*)

1.3.5 *At-Tayyibah* (الطيبة)

Membina sebuah negara yang aman dan sejahtera serta mendapat keampunan Allah SWT. (*Al-Saba': 15*)

1.3.6 *Al-Khair* (الخير)

Membangun ummah terbaik yang saling berlumba melakukan kebajikan. (*Al-Maidah: 48*)

1.3.7 *Ar-Rahmah* (الرحمة)

Memupuk kasih sayang dan belas ihsan untuk semua golongan dalam masyarakat. (*Al-Anbia': 107*)

1.3.8 *As-Sadaqah* (الصدقة)

Membudayakan sikap dan amalan baik sebagai maksud sedekah dalam masyarakat. (*Hadis riwayat Abu Hurairah*)

1.3.9 *At-Tatawu'* (التطوع)

Melakukan amal perbuatan secara sukarela semata-mata kerana Allah adalah salah satu bentuk kebajikan yang dipandang tinggi oleh Allah SWT. (*Al-Baqarah : 158*)

2.0 Tema

“Negeri Berkebajikan, Membangun Bersama Islam”

3.0 Falsafah

Meyakini bahawa berkebijakan adalah usaha untuk memelihara hak dan berkongsi tanggungjawab antara kerajaan dengan rakyat secara adil dan amanah dalam menyebarkan kebaikan dan kebajikan ke arah melahirkan masyarakat yang sejahtera di dunia dan di akhirat.

Berdasarkan kepada falsafah ini, Dasar Berkebijakan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan dibina atas prinsip-prinsip berikut:

- 3.1 Mentauhidkan Allah SWT dan mengabdikan diri kepada-Nya.
- 3.2 Menjadikan Rasulullah SAW sebagai ikutan dan panduan dalam semua aspek kehidupan.
- 3.3 Menyebarkan dan menggalakkan amalan tolong-menolong, persaudaraan dan kasih sayang.
- 3.4 Menggalakkan sikap berlumba-lumba berbuat kebajikan.
- 3.5 Melaksanakan hak dan tanggungjawab terhadap ibu bapa, keluarga, anggota masyarakat, haiwan dan alam sekitar.
- 3.6 Membela dan membangun golongan *dhuafaa'* (lemah) dan Orang Kurang Upaya (OKU).
- 3.7 Melaksanakan dakwah melalui *amar makruf* dan *nahi mungkar*.
- 3.8 Memasyarakatkan amalan beragama sebagai teras kehidupan.

4.0 Visi

Mewujudkan Masyarakat Berkebijakan dan Sejahtera Berpaksikan Syariat

5.0 Misi

Mendorong, membimbing dan membantu serta menyuburkan cara hidup berkebijakan ke arah kesejahteraan demi mencapai "*Baladun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur*"

6.0 Matlamat

Matlamat Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan adalah seperti berikut:

- 6.1 Melaksanakan konsep Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan (UMI) dalam program kebajikan.
- 6.2 Menjadikan dasar ini sebagai rujukan pelaksanaan program berkebajikan mengikut *maqasid syariah* dan keutamaannya (*Dharuriyyat, Hajiyyat, Tahsiniyyat*).
- 6.3 Memberi kesedaran untuk membangunkan prasarana, sistem sokongan, potensi diri dan kemandirian golongan sasaran.
- 6.4 Membina dan menambah baik sistem bantuan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dan kebolehpercayaan di semua peringkat.
- 6.5 Melahirkan sukarelawan dan dermawan bagi menyuburkan budaya berkebajikan dalam masyarakat.

7.0 Strategi Pelaksanaan Dasar

Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan dilaksanakan melalui empat strategi utama melalui kaedah-kaedah seperti *At-Taawun* (bekerjasama), *Al-Takaful Al-Ijtimaie* (keseimbangan masyarakat), dan *Al-Mahabbah* (berkasih sayang), iaitu :

7.1 Individu

- 7.1.1 Memahami dan mengamalkan sikap dan amalan berkebajikan dalam semua aspek kehidupan.
- 7.1.2 Menyedari dan menyebarkan konsep berkebajikan.
- 7.1.3 Meningkatkan kesedaran dan kemahiran melalui program pendidikan dan pembangunan jati diri.

7.2 **Keluarga**

7.2.1 Membudayakan kehidupan keluarga berkeadilan dan sejahtera dalam agenda pembangunan negeri.

7.2.2 Membangunkan prasarana, insentif dan sistem sokongan bagi melahirkan keluarga berkeadilan dan sejahtera.

7.2.3 Memastikan hak dan kebajikan ahli keluarga terjaga.

7.3 **Masyarakat, Institusi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)**

7.3.1 Memupuk kesedaran dan budaya cakna, prihatin dan tolong menolong dalam masyarakat sepanjang masa di semua tempat dan peringkat.

7.3.2 Memperkukuh dan mengupayakan agensi kerajaan dan swasta, *NGO* dan institusi kebajikan sosial dalam masyarakat.

7.3.3 Menggembeng tenaga dan potensi ke arah melahirkan masyarakat madani dalam menjayakan program kebajikan.

7.4 **Kerajaan**

7.4.1 Melaksanakan program dan urus tadbir kerajaan mengikut kaedah *Maqasid Syariah* dan keutamaan.

7.4.2 Menjadi penyelaras dan pemantau pelaksanaan Dasar Berkeadilan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan.

7.4.3 Menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan perniagaan, ekonomi tempatan serta menarik pelabur luar ke arah penjana sumber dana yang banyak.

7.4.4 Menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menggalakkan semangat kesukarelawanan dan berkeadilan dalam masyarakat.

7.4.5 Mewujudkan mekanisma, kumpulan pakar dan sistem pelaksanaan yang cekap dan berkesan dalam semua program berkeadilan.

7.4.6 Menjalinkan hubungan dengan syarikat berkaitan kerajaan (*GLC*) dan industri dalam program kebajikan.

7.4.7 Menjaga kebajikan, kepentingan dan kemaslahatan ahli yang berhak.

8.0 Pelan Tindakan

Setiap individu, kumpulan, pertubuhan, masyarakat tempatan, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan perlu berganding bahu memainkan peranan secara aktif dan menyeluruh di semua peringkat bagi menjayakan dasar ini. Antaranya:

- 8.1 Menubuhkan Yayasan Kebajikan/ Majlis Amal Kebajikan Kelantan yang akan bertindak sebagai badan induk dalam menyelaraskan program-program kebajikan.
- 8.2 Mewujudkan bank data golongan sasaran.
- 8.3 Menjalankan induksi penghayatan konsep berkeadilan dalam kalangan kakitangan kerajaan dan agensi.
- 8.4 Menyebarkan penghayatan konsep berkeadilan melalui program pembangunan jati diri.
- 8.5 Menetapkan nisbah yang berpadanan dengan program kebajikan dalam bajet tahunan.
- 8.6 Melibatkan *GLC* dalam program kebajikan.
- 8.7 Menambah program kebajikan dan pembangunan sahsiah kepada OKU, warga emas, mualaf, anak yatim, armalah dan golongan asnaf.
- 8.8 Menyediakan kursus asas jaya diri untuk penerima skim kebajikan kerajaan negeri.
- 8.9 Mengadakan garis panduan pembangunan prasarana, insentif dan sistem sokongan mesra golongan sasaran.
- 8.10 Menyediakan modul dan model program serta aktiviti pembangunan kebajikan mengikut dasar Membangun Bersama Islam.

- 8.11 Menyelaras dan menggalakkan penjanaaan dan pengumpulan dana serta peruntukan melalui insentif, inisiatif dan instrumen kewangan Islam antara agensi, jabatan, swasta, NGO dan masyarakat.
- 8.12 Memastikan mekanisma dan *SOP* penjanaaan sumber, pengagihan bantuan secara adil, selaras dan mudah kepada golongan sasaran.
- 8.13 Menyediakan sumber manusia di semua peringkat dalam melaksanakan agenda berkeadilan.

9.0 Fasa Pelaksanaan Dasar

Tempoh masa : 4 tahun					
FASA	PERKARA	MASA	TARIKH	PELAKSANA	AKTIVITI
1	<p>-Pendokumentasian</p> <p>-Mengumpul data atau maklumat yang berkaitan.</p> <p>-Duduk semeja berbincang dan berkongsi idea dengan pihak sepatutnya.</p>	6 bulan		<p>-UPEN</p> <p>-UPWK</p> <p>-MAIK</p> <p>-JKM</p> <p>-MPKB-BRI</p> <p>-JAHEAIK</p> <p>-YIK</p> <p>-YAKIN</p> <p>-PKS</p> <p>-TATOK</p> <p>-Majlis Penghulu</p> <p>-KIAS</p> <p>-HALAQAT</p> <p>-MTD</p> <p>-NGO</p>	<p>1-Temu bual masyarakat dan golongan yang berkaitan.</p> <p>2-Membuat soalan pertanyaan (<i>questionnaires</i>).</p> <p>3-Merujuk buku-buku ilmiah yang berkaitan.</p>
2	Penerangan/ Pelaksanaan	4 tahun		<p>-UPEN</p> <p>-UPWK</p> <p>-MAIK</p> <p>-JKM</p> <p>-MPKB-BRI</p> <p>-JAHEAIK</p> <p>-PKS</p> <p>-PBT</p> <p>-HALAQAT</p> <p>-MTD</p> <p>-NGO</p> <p>-Penghulu</p> <p>-Pimpinan Masyarakat</p> <p>-Pejabat Tanah</p> <p>-Hospital</p> <p>-Lain-Lain Agensi</p>	<p>1-Penerangan secara berterusan melalui <i>billboard</i> seluruh Kelantan, edaran risalah, ceramah, forum, khutbah, laman sesawang, akhbar, video dan lain-lain.</p> <p>2-Kursus (induksi) kepada kakitangan.</p> <p>3- Pelaksanaan polisi melalui jabatan-jabatan berkenaan beserta pemantauan program-program melalui pelan tindakan yang telah dirancang selama empat tahun.</p>

3	Pemantauan/ Penilaian	4 tahun		-PKS	<p>1-Temu bual masyarakat dan golongan berkaitan (<i>questionnaires</i>).</p> <p>3-Penilaian dinilai berdasarkan kunci indeks pencapaian (KPI) yang telah ditetapkan.</p> <p>4-Penilaian juga diukur berdasarkan pemantauan yang telah dibuat selama empat tahun.</p>
---	--------------------------	---------	--	------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

10.0 Penutup

Pelaksanaan Dasar Berkeadilan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan memerlukan penglibatan semua pihak.

Berdasarkan strategi pelaksanaannya akan dapat melahirkan masyarakat yang berkeadilan dan sejahtera bagi mencapai tonggak Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan.

.....halaman muka surat ini berakhir di sini.....

Glosari

1. *Al-Adl*

Al-Adl bermaksud berlaku adil iaitu meletakkan sesuatu atau memberikan sesuatu kepada seseorang yang menjadi haknya tidak secara paksa.

2. *Al-Birr*

Semua perkara baik yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT dan setiap keburukan yang ditinggalkan. Paksi utama kebaikan ialah keimanan yang sempurna kepada Allah SWT.

3. *Al-Hasanah*

Kebaikan di dunia dan di akhirat. Kebaikan di dunia merangkumi seluruh perkara yang mendatangkan kebaikan berpanjangan termasuk kesihatan, keamanan, kenikmatan dan sebagainya manakala kebaikan di akhirat ialah kejayaan mendapat balasan yang baik dan ganjaran syurga daripada Allah SWT serta terhindar daripada azab-Nya.

4. *Al-Ihsan*

Sentiasa memantau kebaikan diri dengan menyakini bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi segala apa yang dilakukannya. *Al-Ihsan* juga bermaksud melakukan sesuatu pekerjaan dengan penuh rasa ikhlas dan pekerjaan tersebut adalah yang terbaik.

5. *Al-Khair*

Kebaikan berupa kenikmatan dunia yang terbaik daripada segala sesuatu. *Al-Khair* merupakan perbuatan baik yang disukai dan akan mendatangkan berkat kesenangan bagi orang yang memerlukan dengan tujuan untuk mendapat rahmat dan *redha* Allah.

6. *Al-Ma'ruf*

Sesuatu yang dikenali baik, meliputi segala perbuatan baik dan yang bertepatan dengan syarak seperti bersedekah, belajar, beribadah dan sebagainya. Secara kontekstual, penggunaan kata *al-Ma'ruf* dalam al-Quran sentiasa berhubungan dengan persoalan dan ketentuan yang digariskan Allah secara syarie.

7. *Al-Tayyibah*

Dari segi bahasa *al-Tayyibah* bermaksud bersih, suci, selamat dan berkualiti. *Al-Tayyibah* ini bermaksud perkara yang halal dan suci bersih daripada perkara kotor, haram, syubhat dan selaras dengan kehendak syarak.

8. Ar-Rahmah

Ar-Rahmah ialah kasih sayang, baik hati dan belas kasihan yang membawa kepada berlakunya ihsan kepada yang disayangi.

9. As-Sadaqah

Beribadah kepada Allah dengan cara menafkahkan (infak) sebahagian haknya (hartanya). *As-Sadaqah* bermaksud suatu pemberian oleh seseorang muslim kepada pihak lain secara sukarela dan mengharapkan *redha* Allah semata-mata.

10. Asnaf Zakat

Golongan yang layak menerima bantuan zakat iaitu fakir, miskin, amil (mereka yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat), mualaf, *ar-Riqab* (memerdekakan hamba), *al-Gharimin* (orang yang berhutang), *fisabilillah dan ibnussabil*.

11. Budaya Cakna

Cakna bermaksud ambil berat, ambil peduli dan ambil tahu. Budaya cakna adalah budaya ambil peduli dan prihatin dalam kalangan masyarakat.

12. Maqasid Syariah

Maqasid Syariah ialah objektif kepada syariah. Syariah adalah segala perintah Allah SWT ke atas hamba-Nya yang terdiri daripada hukum hakam yang diperturunkan melalui rasul-Nya sama ada perintah tersebut berkaitan dengan perbuatan amali atau iktikadi. Terdapat lima tujuan *maqasid syariah* iaitu memelihara agama, nyawa, akal, kehormatan dan harta.

13. Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan (UMI)

Merupakan tiga ciri asas dalam Dasar Membangun Bersama Islam. UMI merupakan sendi utama dalam dasar pentadbiran kerajaan negeri Kelantan.

Ubudiyyah : Konsep ini merujuk kepada kedudukan manusia sebagai hamba Allah, yang diciptakan semata-mata untuk beribadat kepada-Nya.

Masuliyah : Bermaksud pertanggungjawaban (akauntabiliti) yang merujuk kepada sifat kerja seseorang yang dikaitkan dengan kedudukan Allah SWT sebagai pemberi tanggungjawab.

Itqan : Merujuk kepada kualiti kerja yang boleh diterjemahkan sebagai ketekunan, komitmen dan kesungguhan pada peringkat awal dan disusuli dengan fokus dalam melakukan kerja.

14. Golongan Sasar

Kelompok masyarakat yang menjadi tumpuan utama aktiviti kebajikan seperti orang miskin, Orang Kurang Upaya (OKU), orang sakit, wanita, armalah, anak yatim, fakir, amil (kakitangan), mualaf, *al-Riqab* (seseorang yang terbelenggu tanpa kebebasan), *al-Gharimin* (penghutang muslim), *Fisabilillah* (orang yang berjuang kerana Allah), dan *Ibnussabil* (musafir).